

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, October 6, 2019 10:15 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: KPM-Celcom Siswapreneur @Google Bootcamp Beri Pendedahan Pemasaran Digital



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

6 OKTOBER 2019 / 7 SAFAR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Berita dan gambar oleh: CEDI

KPM-CELCOM SISWAPRENEUR @GOOGLE BOOTCAMP BERI PENDEDAHAN PEMASARAN DIGITAL



UUM ONLINE: Kuala Lumpur – Lima pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) telah berpeluang mengikuti Program KPM-Celcom Siswapreneur @Google Bootcamp 2019 di Residensi UTM KL, baru-baru ini.

Pelajar terlibat ialah Nur Shahirah Abd Rashid, Siti Sarah Anum Hashim, Elmira Amirah Mohd Suhimi, Nazifah Hanom Abdul Rahman dan Muhendran A/L Chandra bersama dua pensyarah, Dr. Siti Noratisah Mohd Nafi dan Dr. Munirah Khamarudin.

Program dua hari anjuran bersama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Celcom Axiata Berhad dan Google itu melibatkan 250 pelajar dari 35 universiti awam, swasta serta politeknik dan kolej komuniti dari seluruh negara.

Pengarah Institut Keusahawanan dan Pembangunan Koperasi (CEDI), Prof. Madya Dr. Chandrakantan Subramaniam berkata, peluang menyertai program tersebut adalah selari dengan hala tuju CEDI yang berhasrat untuk mengembang dan memantapkan perniagaan atas talian dalam kalangan pelajar UUM.

Menurutnya, sepanjang program berlangsung, pelajar telah didedahkan dengan modul latihan asas perniagaan, asas pemasaran digital, alat atas talian dan strategi media sosial yang menggunakan pelbagai aplikasi Google.

Katanya, program itu sangat berguna kepada semua peserta amnya dan pelajar-pelajar UUM khususnya kerana kebanyakan pelajar yang terlibat dari UUM telah mempunyai perniagaan atas talian mereka sendiri.

“Program yang memberikan peluang keemasan kepada peserta ini merupakan kesinambungan daripada program KPM-Celcom Siswapreneur yang telahpun bermula sejak 2016 lagi,” katanya.

Perasmian telah disempurnakan Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik dan hadir sama Ketua Strategi dan Pegawai Penciptaan Nilai Celcom Axiata Berhad, Munif Kamaruddin dan Ketua Dasar Awam Google, Nick Bauer.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.